# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan sosial

### #10 – Orang muda meninggalkan pusat jagaan berkediaman

Apabila pusat jagaan berkediaman menghantar orang muda pulang atau mengatur kehidupan berdikari untuk mereka dalam komuniti, ada beberapa perkara yang mesti dilakukan sebelum dan selepas mereka meninggalkan pusat jagaan untuk memastikan peralihan itu selamat, dan orang muda dapat kekal sihat, stabil dan selamat di kediaman mereka.

| **Untuk memastikan bahawa peralihan orang muda yang meninggalkan pusat jagaan berkediaman adalah selamat, dan orang muda dapat kekal sihat, stabil dan selamat di kediaman mereka:** |
| --- |
| ▪ Pastikan keselamatan peralihan |
| ▪ Libatkan orang muda sepanjang proses |

**Seterusnya: bagaimana memastikan keselamatan dan melibatkan orang muda**



Maestral. PERSATUAN PEKERJA SOSIAL MALAYSIA • MALAYSIAN ASSOCIATION OF SOCIAL WORKERS unicef for every child

Hantarkan maklum balas anda kepada kami melalui WhatsApp dengan mengimbaskan kod QR di bawah dan hantarkan perkataan yang telah dipra-muatkan.

# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

**#10 – Orang muda meninggalkan pusat jagaan berkediaman**

**Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!**

**Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini.**
**Anda adalah wira.**



## Pastikan keselamatan peralihan

Pastikan orang muda itu mempunyai tempat tinggal sebelum mereka meninggalkan pusat jagaan berkediaman.

Permudahkan peralihan orang muda. Pastikan keperluan asas dipenuhi seperti pakaian, peralatan kebersihan diri. Sekiranya institusi tersebut memberikan wang saku untuk memenuhi keperluan asas, pekerja sosial harus mengawasi dan menjelaskan tujuannya kepada orang muda.

Sekiranya orang muda itu mempunyai hubungan dengan komuniti semasa dalam penjagaan, mereka mungkin sudah mengenali beberapa orang dewasa dalam komuniti tersebut. Dalam kes sedemikian, lebih baik mencari tempat tinggal yang selamat untuk orang muda berkenaan yang berhampiran dengan orang dewasa yang dikenali untuk membantu memastikan mereka boleh berhubung dengan orang dewasa ini sekiranya mereka memerlukan sokongan emosi dan keselamatan.

Hubungkan orang muda itu dengan perkhidmatan sokongan di dalam komuniti tempat mereka tinggal. Ini termasuk perkhidmatan sokongan sosial, kewangan, perumahan dan perundangan serta pekerja sosial dan / atau pegawai pelindung kanak-kanak dan wakil pihak berkuasa tempatan. Menyediakan surat rujukan dapat membantu memudahkan orang muda mengakses perkhidmatan sokongan.

Buat tindakan susulan dengan orang muda selepas peralihan menggunakan telefon, WhatsApp atau media sosial yang lain.

Rujuk TIP untuk pemantauan maya (# 7) untuk panduan tambahan mengenai cara melakukan pemantauan maya.

# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

### #10 – Orang muda meninggalkan pusat jagaan berkediaman

**Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!**

**Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini.**
**Anda adalah wira.**



## Libatkan orang muda di sepanjang proses

Orang muda yang meninggalkan pusat jagaan berkediaman mesti terlibat dalam memilih tempat tinggal mereka.

Orang-orang muda mungkin suka tinggal bersama secara berdikari, terutama pada masa tertekan seperti COVID-19. Sekiranya mereka datang dari pusat jagaan yang sama, tinggal bersama tidak akan menambahkan risiko jangkitan dan akan membantu memastikan sumber sokongan emosi yang baik.

Sebelum orang muda meninggalkan pusat jagaan berkediaman, bincangkan dan sediakan rancangan pemantauan maya yang merangkumi percakapan melalui telefon, e-mel atau WhatsApp setiap minggu.

Maklumkan kepada orang muda mengenai Hotline yang menawarkan kaunseling percuma jika diperlukan:

- WAO Hotline: 03 7956 3488
- TINA WhatsApp: 018 988 8058
- Talian Kasih: 15999 atau WhatsApp 019 261 5999
- Befrienders KL: 03 7956 8144 atau 03 7956 8145

Berkongsi maklumat mengenai bekas penghuni (orang yang dibesarkan atau tinggal di pusat jagaan berkediaman dan telah meninggalkan pusat itu) dan mana-mana kumpulan sokongan maya yang ada kaitan dengan orang muda, sekiranya mereka ingin berhubung dengan orang lain yang mempunyai pengalaman yang sama.

Bergantung pada keadaan keunikan kes dan keinginan orang muda, pertimbangkan untuk menangguhkan peralihan sehingga ianya dapat dilakukan dengan cara yang selamat bagi orang muda.

Kongsi TIP untuk mengurus tekanan dan kesihatan mental (lihat # 4) dan berikan panduan untuk keselamatan dalam talian kerana pengasingan orang muda mungkin menyebabkan kesepian dan mencari hubungan dalam talian, yang menjadikan mereka terdedah kepada eksploitasi dalam talian dll.

Maestral.

Persatuan Pekerja Sosial Malaysia – Malaysian Association of Social Workers

unicef for every child

Hantarkan maklum balas anda kepada kami melalui WhatsApp dengan mengimbaskan kod QR di bawah dan hantarkan perkataan yang telah dipra-muatkan.